

29 JUN 1999

Mahathir-Bersara

MAHATHIR AKAN CARI MASA YANG "SESUAI" UNTUK BERSARA

PUTRAJAYA, 29 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini beliau perlu mencari masa yang "sesuai" untuk bersara selepas pilihan raya umum nanti.

Beliau berkata tidaklah semudah itu untuk beliau bersara kerana penyokong dan pengundinya sentiasa memintanya supaya jangan berbuat demikian.

"Oleh itu saya tidak dapat menyatakan bila sebenarnya saya akan bersara," kata Dr Mahathir kepada serombongan wartawan Afrika yang mengunjunginya di pejabatnya di sini.

Beliau berkata banyak orang yang berasa tidak terjamin apabila seseorang pemimpin mengundurkan diri dan apabila mereka terpaksa menerima seorang pemimpin yang baru.

"Saya tidak boleh mengumumkan bila saya akan bersara kerana ia akan mendatangkan kesan ke atas sentimen pelbagai pihak kepada kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata persoalan mengenai persaraan beliau tidak timbul.

"Tetapi saya tidak boleh membiarkan kepada seorang timbalan yang belum berpengalaman untuk menguruskan bukan sahaja hal-ehwal parti dan kerajaan tetapi juga pilihan raya.

"Jadi saya kena tunggu dahulu. Selepas pilihan raya nanti saya kena cari masa yang sesuai untuk bersara," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab pertanyaan seorang daripada wartawan itu yang menarik perhatian bahawa Dr Mahathir sudah "kehilangan" tiga timbalan perdana menteri di bawah kepimpinannya.

Wartawan itu berkata banyak orang yang menganggap ini menunjukkan hasrat Dr Mahathir untuk terus memegang kuasa bagi tempoh yang lama.

Dr Mahathir berkata negara ini telah mempunyai empat perdana menteri termasuk beliau sendiri, dan sejarah menunjukkan bahawa setiap kali berlaku pertukaran kepimpinan di Malaysia, ia tidak pernah diiringi dengan keganasan.

"Kita sentiasa menerima hakikat bahawa suatu hari nanti kita terpaksa mengundurkan diri. Saya sedar bahawa suatu hari saya juga terpaksa pergi. Mungkin saya telah memegang jawatan ini lebih lama daripada (perdana menteri) yang lain," he said.

Dr Mahathir menjadi perdana menteri sejak 1981.

Dr Mahathir berkata rakyat mahu beliau terus memimpin negara ini.

"Saya rasa ini satu tanggungjawab. Seseorang itu tidak boleh fikirkan tentang kemahuan sendiri sahaja untuk relaks dan menikmati hidup," katanya.

Beliau berkata proses demokrasi di Malaysia membolehkan seseorang pemimpin dipilih semula beberapa kali, tidak seperti sistem di sesetengah negara lain yang mengehadkan perkhidmatan seseorang pemimpin kepada hanya satu penggal, yang akhirnya menyebabkan dia terpaksa berundur sebelum dapat membuat sesuatu sumbangan besar kepada negaranya.

Dr Mahathir juga menafikan tuduhan bahawa beliau seorang diktator.

"Saya bukan diktator. Saya boleh ke mana-mana pun di negara ini dengan bebas. Saya boleh ke pasar raya dan saya boleh bergaul dengan semua rakyat jelata," katanya.

Perdana Menteri berkata walaupun ada sesetengah orang yang tidak menyukainya, mereka tidak pernah mengambil tindakan yang berupa keganasan.

Perdana Menteri bersara beliau tidak nampak sebarang sebab bagi sesiapa pun merasa takut kepadanya atau kerajaan.

Beliau mengakui bahawa perdana menteri mempunyai pengaruh dalam proses membuat keputusan, yang menimbulkan anggapan di kalangan sesetengah orang bahawa pemegang jawatan itu merupakan orang yang berkuasa.

Ketika ditanya apakah yang ingin dilihatnya selepas beliau bersara kelak, Dr Mahathir melahirkan harapan agar dasar-dasarnya diteruskan walaupun beliau tidak mengharapkan penggantinya mahu mengikuti segala-galanya.

Mengenai pilihan raya umum yang perlu diadakan menjelang Jun tahun depan, Dr Mahathir berkata beliau tidak dapat membayangkan tempoh masanya.

"Ini rahsia yang saya simpan dengan rapi," katanya.

Dr Mahathir berkata yang penting ialah untuk memeranjatkan Pembangkang.

Perdana Menteri juga memberi taklimat kepada 18 wartawan Afrika itu mengenai keadaan ekonomi dan politik Malaysia.

-- BERNAMA

ES RYN NMO